

TARIKH	14 / 9 / 2016	SEKSYEN	NEGARAH
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Baki 21,866 orang lagi bakal pulang menerusi 46 penerbangan

422 jemaah haji selamat tiba

Oleh RASDAN AHMAD

SEPANG – Kumpulan pertama jemaah haji Malaysia seramai 442 orang selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam menerusi penerbangan Saudi Airlines SV5644.

Ketibaan mereka pada pukul 11.21 pagi disambut oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badlisyah Abdul Ghani di samping ahli keluarga dan saudara mara.

Mereka berlepas melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah ke tanah air pada pukul 9 malam waktu tempatan (2 pagi Ahad waktu Malaysia).

Badlisyah berkata, sebanyak 47 penerbangan akan membawa

pulang kesemua 22,320 jemaah haji bermula hari ini dengan penerbangan terakhir yang dijadual tiba di Malaysia pada 15 Oktober depan.

Katanya, sembilan orang jemaah tidak berjaya melaksanakan ibadat wukuf kerana mengalami masalah kesihatan yang serius.

“Tahun ini, seramai 12 jemaah meninggal dunia, 11 kematian di Tanah Suci dan seorang ketika di tanah air,” katanya kepada pemberita pada majlis sambutan kumpulan pertama tersebut.

Seramai 22,320 jemaah haji Malaysia menunaikan haji pada musim haji kali ini.

Badlisyah berkata, pihaknya akan mengadakan sesi bedah siasat bagi meneliti maklum balas yang diterima dari semua

sudut operasi terutamanya keselamatan.

Walaupun bagaimanapun, ibadah haji tahun ini bebas daripada sebarang insiden buruk berbanding tahun lalu yang menyaksikan 2,300 terbunuh akibat rompohan di Mina manakala 118 lagi terkorban kerana kren tumbang di kompleks Masjidil Haram.

Dalam pada itu, Dr. Muhammad Syafiq Muhammad Isa (gambar kecil), 27, dan isterinya, Dr. Hanisah Jeffrey, 26, yang merupakan pasangan termuda dalam kumpulan tersebut berkata, peluang mengerjakan rukun Islam kelima pada usia muda merupakan satu pengalaman terindah.

Muhammad Syafiq, 27, berkata, umat Islam yang telah berdaftar dengan TH perlu mempersiapkan diri dari segi ilmu dan kewangan kerana panggilan menunaikan haji mungkin dibuat pada saat akhir.



BADLI SYAH (dua dari kiri) menyambut kumpulan pertama jemaah haji Malaysia seramai 442 orang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang semalam.

“Saya sendiri tidak menjangka dapat pergi haji tahun ini...tetapi selepas isteri disenaraikan, saya turut ditawarkan tempat atas

kapasiti mahram atau pengiring kepada isteri,” katanya yang bertugas di Hospital Kuantan, Pahang.